

26/08/2003

Algeria, Syria cari pelabur Malaysia

SYARIKAT Malaysia disaran meneroka potensi pelaburan di Algeria dan Syria bagi mengambil kesempatan peralihan sistem ekonomi kedua-dua negara itu daripada sosialis kepada yang berasaskan pasaran.

Pengerusi Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Datuk Ahmad Husni Hanadzlah, berkata kerajaan kedua-dua negara itu berminat menarik pelabur dari negara ini untuk membangunkan pelbagai industri di negara mereka.

Beliau berkata, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke rantau Utara Afrika serta negara Asia Barat baru-baru ini perlu dilihat sebagai pembuka peluang pelabur Malaysia bertapak di rantau berkenaan.

"Kedua-dua negara itu (Algeria dan Syria) menawarkan peluang keemasan kepada pelabur kita bertapak di sana berikutan pertukaran daripada sistem sosialis kepada ekonomi pasaran sejak 10 tahun lalu.

"Walaupun peluang ekonomi yang ada diuruskan agensi kerajaan, namun mereka mahu sektor swasta melaksanakan kerja pembangunan infrastruktur di sana," katanya kepada media selepas merasmikan Pusat Pembangunan Usahawan Politeknik (Pedec) Ungku Omar (PUO) di Ipoh.

Beliau berkata demikian ketika mengulas hasil lawatannya ke kedua-dua negara itu bersama rombongan Dr Mahathir baru-baru ini.

Berikutan perubahan kepada sistem ekonomi berasaskan pasaran, Syria dan Algeria memerlukan banyak pembangunan infrastruktur termasuk dalam sektor pembinaan, pemrosesan minyak dan gas, rawatan air, perkhidmatan kewangan dan perbankan serta pembangunan dalam bidang latihan dan pendidikan.

Sehingga akhir tahun lalu, jumlah dagangan Malaysia dengan Algeria bernilai RM440.8 juta, manakala dengan Syria pula adalah RM256.5 juta.

Husni berkata, pelabur Malaysia juga perlu mengambil peluang memasarkan produk di kedua-dua negara itu serta negara di Asia Barat yang lain berikutan kecenderungan pengguna di sana menggunakan barangan keluaran negara Islam.

"Sentimen anti-Amerika dan Eropah yang wujud berikutan serangan ke atas Iraq menyebabkan rakyat di Asia Barat lebih cenderung membeli barangan negara Islam dan pelabur kita perlu mengambil peluang ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, syarikat tempatan bukan saja perlu merebut peluang perniagaan dan pelaburan, malah mewujudkan rangkaian perniagaan dengan rakan niaga di kedua-dua negara itu.